

28 OCT 1997

DOAKAN KESEJAHTERAAN NEGARA KETIKA DEEPAVALI: HINDU SANGAM

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Persatuan Hindu Sangam Malaysia hari ini menggesa penganut agama Hindu supaya menyambut perayaan Deepavali dengan mendoakan kesejahteraan negara.

Presidennya A. Vaithilingam berkata mereka juga perlu berdoa agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mampu menghadapi cabaran kejatuhan ekonomi sekarang dan semoga negara akan segera pulih dan memasuki abad 21 dengan lebih cemerlang.

Hindu Sangam menggesa semua penganut Hindu supaya berjimat- cermat dalam merayakan Deepavali di samping bergembira melayani tetamu terutama rakan-rakan bukan beragama Hindu, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berharap ketika meraikan "kemenangan menentang kejahatan", penganut Hindu tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik dan lebih prihatin dengan penyakit sosial yang melanda masyarakat.

Semua yang beragama Hindu hendaklah bersama-sama berdoa untuk kesejahteraan pemimpin dan rakyat Malaysia, semoga panjang umur dan pulih daripada kejatuhan ekonomi kini agar Deepavali akan datang lebih makmur, katanya. -- BERNAMA

MNY NN RON